



KETERANGAN PERUBATAN KESIHATAN ORANG KOMPETEN

BAHAGIAN 1: (DIISI OLEH ORANG KOMPETEN)

Saya _____
(Nama Orang Kompeten)

Alamat _____
(Alamat Semasa)

No. Kad Pengenalan/ No. Pasport _____ No.Tel_____

dengan ini **BERSETUJU** secara sedar dan tanpa sebarang paksaan untuk menjalani pemeriksaan kesihatan dan ujian-ujian lain yang berkaitan dan memaklumkan keputusan pemeriksaan kesihatan kepada Suruhanjaya Tenaga bagi memenuhi keperluan Peraturan 63(6), Peraturan-Peraturan Elektrik 1994.

Tarikh : _____

Tandatangan : _____
(Orang Kompeten)

BAHAGIAN 2: (DIISI OLEH PENGAMAL PERUBATAN BERDAFTAR)

Hospital / Klinik _____

Saya, Pengamal Perubatan Berdaftar seperti yang dinyatakan di bawah dengan ini mengesahkan bahawa penama di atas adalah **LAYAK / TIDAK LAYAK** untuk bekerja sebagai orang kompeten.

Tarikh : _____

Tandatangan : _____
(Pengamal Perubatan Berdaftar)

Nama & Cop Jawatan : _____

Nota:

Rujuk Lampiran 1 : Panduan Pengesahan Kesihatan Fizikal Dan Mental Orang Kompeten Elektrik Suruhanjaya Tenaga Oleh Pengamal Perubatan Berdaftar

**PANDUAN PENGESAHAN KESIHATAN FIZIKAL DAN MENTAL ORANG KOMPETEN
ELEKTRIK SURUHANJAYA TENAGA OLEH PENGAMAL PERUBATAN BERDAFTAR.**

1. TUJUAN

Panduan ini dibuat adalah bertujuan memberi penerangan kepada pengamal perubatan berdaftar berkenaan keperluan kesihatan **FIZIKAL DAN MENTAL** bagi seseorang yang memegang perakuan kekompetenan elektrik dan telah melebihi had umur yang telah ditetapkan sebelum boleh didaftarkan dan menjalankan kerja atau tindakan berhubung dengan perakuan kekompetenannya.

2. PERUNTUKAN PERATURAN

Had umur bagi seseorang yang memegang Perakuan Kekompetenan adalah seperti yang dinyatakan di dalam peraturan berikut:

PERATURAN 63(4), PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK 1994.

Pemegang Perakuan Kekompetenan berikut **TIDAK BOLEH** membuat apa-apa kerja, tindakan atau perkara di bawah Peraturan-Peraturan yang seseorang itu dibenarkan jika berumur **MELEBIHI 75 TAHUN**.

- I. Jurutera Perkhidmatan Elektrik
- II. Jurutera Elektrik Kompeten
- III. Penyelia Elektrik

PERATURAN 63(5), PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK 1994.

Pemegang Perakuan Kekompetenan berikut **TIDAK BOLEH** membuat apa-apa kerja, tindakan atau perkara di bawah Peraturan-Peraturan yang seseorang itu dibenarkan jika berumur **MELEBIHI 65 TAHUN**.

- I. Penjaga Jentera
- II. Pendawai
- III. Pencantum Kabel

PERATURAN 63(6), PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK 1994.

Walaubagaimanapun had umur seseorang boleh diketepikan atas dasar tahun ke tahun mengikut budi bicara Suruhanjaya Tenaga yang boleh menghendaki keterangan perubatan Kesihatan fizikal dan mental orang itu yang disahkan oleh mana-mana pengamal perubatan berdaftar.

3. PENGESAHAN KESIHATAN

Pengamal perubatan yang dilantik oleh pemegang perakuan kekompetenan elektrik bagi tujuan pemeriksaan kesihatan perlu mengisi Keterangan Perubatan Orang Kompeten seperti di **Borang Keterangan Perubatan Kesihatan Orang Kompeten**. Dalam mengesahkan kelayakan orang kompeten berkenaan untuk dibolehkan bekerja, pengamal perubatan perlu menjalankan pemeriksaan kesihatan atau ujian-ujian lain yang berkaitan **FIZIKAL DAN MENTAL**.

Antara **kriteria kritikal** yang perlu diperiksa:

1. Fizikal

- a. Tidak mempunyai masalah mata termasuk rabun warna.
- b. Tidak mempunyai masalah pendengaran (tanpa alat bantuan).
- c. Boleh bertutur.
- d. Tidak mempunyai penyakit kronik yang menyebabkan komplikasi pergerakan fizikal. (strok, parkinson dan lain-lain)
- e. Tidak mempunyai kecacatan, ketidakupayaan atau amputasi tangan dan/ atau kaki.

2. Mental

- a. Tidak mempunyai masalah mental.

Lain-lain pemeriksaan dan ujian Kesihatan yang difikirkan perlu oleh pengamal perubatan berdasarkan skop tugas orang kompeten.

4. SKOP TUGAS ORANG KOMPETEN

Berikut adalah antara skop tugas orang kompeten:

- Mengerja, mengendali atau mempunyai kawalan atas apa apa kerja atau pengendalian sesuatu pepasan elektrik
- mengeluarkan arahan bertulis (Permit to Work) kepada orang yang bekerja di bawah kawalannya.
- Melawat, memeriksa serta merekod dan melapor hasil lawatan dan pemeriksaan pepasan elektrik kepada pemilik pepasan dan ST.
- Menyedia dan mengemukakan pelan, lukisan dan spesifikasi pepasan elektrik.
- melaksanakan kerja-kerja pengujian dan penentukan ke atas geganti dan peranti pelindung pepasan elektrik
- Menjalankan kerja-kerja pendawaian atau pengujian pepasan elektrik.
- Melaksanakan kerja-kerja cantuman, sambungan atau penamatkan kabel elektrik